

Oasis 9 tarik semua pihak

Kompleks komersial dua tingkat tawar pelbagai keperluan dalam satu bumbung



SEJAK dilancarkan Oasis 9 kian menjadi sebutan ramai kerana menawarkan pelbagai pilihan yang merealisasikan gaya hidup anda.

Oasis 9 antara projek usaha sama antara Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan syarikat pemaju hartanah awam, Hua Yang Berhad yang mendapat sambutan menggaklakan.

Kompleks komersial dua tingkat di Seksyen 9, Shah Alam, Selangor itu menjanjikan suasana beli-belah selesa dan berbaloi.

Ia juga bersedia menarik perhatian semua pihak untuk bekerja, bermain dan menjamu selera dalam suasana berorientasikan keluarga serta memenuhi keperluan komuniti tempatan.

"Sebagai pengendali Oasis 9, kami berhasrat menjadikan tempat ini sebuah hab bagi aktiviti komersial.

"Selain itu, kompleks ini juga bakal menjadi tumpuan ramai kerana pelbagai keperluan ditawarkan dalam satu bumbung." Kata Ketua Pegawai Eksekutif Hua Yang Berhad, Ho Wen Yan.

Penyewa utama di Oasis 9 ialah Restoran Zam Zam yang menyajikan masakan Arab pastinya memenuhi cita rasa anda kerana muncul antara restoran Arab terbesar di Shah Alam.



DEKORASI SEMPURNA...antara hiasan dalam Restoran Zam-Zam yang unik.



HO...janjikan kelainan.

Antara peruncit lain ialah Norliza Hair & Beauty, Nail Guru, Tru View Optical, Galeri Beautie, Hijrah Collection, Makan-Makan Food court, Oasis Steamboat, kios-kios menjual pakaian, tudung dan kedai menjual pakaian bayi.

Anda juga bebas membeli-belah dalam suasana selesa dan ceria kerana setiap ruang mempunyai fungsi serta laluan

pergerakan tanpa had.

"Oasis 9 bakal menjadi destinasi popular bagi pelancong asing terutama Arab kerana di sini ada menawarkan masakan Arab yang tulen dan lazat," kata Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mazalan Md Noor.

Lokasinya yang strategik dan berhampiran bandar raya Shah Alam membuatkan Oasis 9 kian dikenali ramai serta mudah dikunjungi.

Ia juga antara lokasi santai dan menjamu selera terbaru yang wajar dikunjungi bagi anda yang gemarkan kelainan atau mempunyai cita rasa berbeza.

Malah, Oasis 9 mudah dihubungkan dengan pelbagai rangkaian lebuh raya termasuk Lebuh raya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Lebuh raya Persekutuan.

Maklumat lanjut layari www.huayang.com.my



MENARIK...reka bentuk Oasis 9 yang mencuri perhatian.